

Pelan pembangunan Koridor Pantai Timur akan diumumkan

TUMPAT 20 Julai - Kerajaan akan mengumumkan pelan pembangunan Koridor Pantai Timur dalam masa terdekat, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, pelan tersebut akan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi membangunkan kawasan Pantai Timur selari dengan arus perdana.

“Di bawah konsep ini kita akan lihat bagaimana kita boleh beri perhatian kepada kawasan yang kurang pembangunan termasuk cadangan penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah Utara Kelantan.

“Ia merupakan salah satu perancangan Barisan Nasional (BN) untuk memajukan Kelantan walaupun negeri ini diperintah oleh PAS,” katanya.

Menurut Najib, beliau telah berbin-cang dengan Perdana Menteri yang bersetuju bahawa rakyat di Kelantan juga berhak menikmati pembangunan dan kemajuan.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Tumpat di Sekolah Menengah Biji Wangsa, di sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Datuk Dr. Awang Adek Hussein, Ahli Majlis Tertinggi UMNO,

UM- 21/7/2007

Datuk Mustapa Mohamed dan Ketua UMNO Bahagian Tumpat, Datuk Noor Zahidi Omar.

Dalam pada itu, ketika diminta mengulas mengenai cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya agar pemilik kad pengenalan lama tidak dibenarkan mengundi, beliau berkata, ia melibatkan Perlembagaan negara yang menyatakan semua rakyat mempunyai hak untuk mengundi.

“Kita masih memikirkan sama ada untuk mewartakannya kerana cadangan itu akan menimbulkan isu,” katanya.

Terdahulu, Noor Zahidi dalam ucapannya mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan menubuhkan Lembaga Pembangunan dan Perancangan Wilayah Utara bagi mengeluarkan rakyat di kawasan daripada belenggu kemiskinan.

“Penubuhan badan seperti Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) itu amat diperlukan bagi memastikan rakyat di beberapa jajahan ini turut menikmati pembangunan,” katanya.

Tambah Najib, rakyat menyedari usaha yang dilakukan BN untuk memajukan negeri ini memandangkan di bawah pemerintahan PAS selama 17 tahun, rakyat di wilayah utara masih tidak berubah mereka di kawasan selatan.